

Memartabatkan Bahasa Melayu

ZAHIDHAMIDI.COM

Julai 10, 2017

Bak kata pepatah 'Bahasa Jiwa Bangsa', itulah peribahasa yang paling sesuai untuk melambangkan kepentingan sesuatu bahasa kepada pelbagai bangsa di Malaysia ini. Sejak lebih 50 tahun lalu bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan dan menjadi bahasa rasmi sejak negara kita mendapat kemerdekaan. Menurut sejarah, 10 tahun selepas Malaysia merdeka, Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan dan merupakan bahasa rasmi Persekutuan iaitu selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan. Namun demikian pelbagai polemik telah dibangkitkan sejak akhir-akhir ini bagi membicarakan identiti bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi negara kita Malaysia.

Terbaru krisis yang melanda bahasa Melayu kerana tanggapan yang salah oleh masyarakat tentang bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan kita. Dalam keputusan mesyuarat kabinet baru-baru ini, kabinet memutuskan tiada kelonggaran berkaitan Bahasa Melayu diizinkan untuk mana-mana penjawat awam. Mesyuarat Kabinet memutuskan kelonggaran syarat kelayakan lulus dengan kepujian Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi lantikan kontrak Pegawai Perubatan Gred UD41 ditarik balik. Ini bagi memastikan semua lantikan kontrak baharu bagi Pegawai Perubatan Gred UD41 tanpa mempunyai kelulusan Bahasa Melayu (BM) SPM boleh menduduki kertas BM secara tunggal bermula November 2017 yang mana peperiksaan itu akan dikendalikan Kementerian Pendidikan Malaysia pada setiap Jun dan November, setiap tahun.

Selaras dengan keputusan kabinet ini, Akta Perubatan 1972 akan dipinda untuk mewajibkan perkhidmatan pegawai perubatan selama dua tahun selepas tamat latihan amali perubatan dan memasukkan syarat kelulusan Bahasa Melayu. Bagi kami Jemaah Menteri, kami sentiasa komited untuk mempertahankan Perkara 152 yang termaktub dalam Perlembagaan negara. Isu bahasa Melayu perlu ditangani kerana ia bukan sahaja menjadi polemik di kalangan pembela bahasa Melayu tetapi juga untuk mengelakkan sebarang kontroversi "yang boleh dimanipulasi pihak yang anti-establishment."

Dalam laporan yang diberikan kepada saya, hanya 23 orang doktor yang terlibat dalam latihan yang diberi kelonggaran sebelum ini. Hanya mereka ini perlu menduduki peperiksaan SPM Bahasa Melayu. Ditegaskan Kabinet akan campur tangan bagi menyelesaikan kontroversi kelonggaran syarat lulus Bahasa Melayu bagi pelantikan secara kontrak ke jawatan pegawai perubatan Gred UD41. Dalam hemat saya, menjadi satu kepentingan bahawa negara ini yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, sangat memerlukan 1 bahasa sebagai panduan. Bahasa Melayu berperanan sebagai kejadiiran pelbagai bangsa Malaysia demi memenuhi maksud kemajuan mengikut acuan sendiri, seperti yang digariskan dalam Transformasi Nasional 2050.

Hakcipta terpelihara @ Ahmad Zahid Hamidi 2017

Source: <https://zahidhamidi.com/memartabatkan-bahasa-melayu/>